

PERLAKSANAAN DAN AKTIVITI ZON BEBAS DI BAWAH AKTA ZON BEBAS 1990

A. TAKRIF DAN AKTIVITI

Zon Bebas adalah satu kawasan yang diisytiharkan oleh Menteri Kewangan di bawah peruntukan Seksyen 3 (1) Akta Zon Bebas 1990 dan tujuan utamanya ialah untuk menggalakkan perniagaan entrepot dan perkembangan industri yang berorientasikan eksport. Zon Bebas adalah satu kawasan yang berada di luar kawasan utama Kastam yang terdiri daripada: -

- i. Zon Perdagangan Bebas (FCZ) iaitu zon untuk aktiviti perdagangan termasuklah perniagaan runcit, pecah pukal, mengred membungkus, melabel semula dan transit, tanpa bayaran duti kastam, duti eksais, cukai jualan atau cukai perkhidmatan. Sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 12 (1) dan (2) Akta Zon Bebas 1990 yang menyatakan apa-apa jenis barang boleh dibawa ke dalam zon perdagangan bebas untuk perniagaan runcit atau selainnya, dan Menteri boleh, melalui perintah melarang apa-apa barang atau kelas barang daripada di bawah ke dalam sesuatu zon perdagangan bebas.
- ii. Zon Perindustrian Bebas (FIZ) iaitu zon untuk aktiviti pengilangan, sepertimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 11 (1) dan (2) dan juga Seksyen 8 Akta Zon Bebas 1990, iaitu barang-barang daripada apa-apa jenis yang akan digunakan secara langsung untuk pengilangan barang-barang lain, dan adalah diluluskan oleh Menteri atau barang-barang yang dikilangkan di mana-mana bahagian Kawasan Utama Kastam yang adalah untuk eksport, bolehlah di bawa ke dalam suatu zon bebas. Tiada barang lain yang disebut dalam subseksyen 11(1) boleh dibenarkan di bawa ke dalam sesuatu zon perindustrian bebas. Takrif pengilangan adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 2 Akta Zon 1990.

Aktiviti-aktiviti yang boleh dan kini dijalankan di dalam FCZ dan FIZ adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah jadual pertama (FCZ) dan jadual kedua (FIZ) Seksyen 10(1) (a) dan (b) Akta Zon Bebas 1990.

Sementara Seksyen 10(3) pula menyatakan bahawa tertakluk kepada Seksyen 8, tiada aktiviti perdagangan boleh dibenarkan dalam sesuatu zon perindustrian bebas.

B. KEPERLUAN PERKASTAMAN DAN TANGGUNGJAWAB PIHAK BERKUASA ZON

Bagi maksud perlindungan hasil, Pihak Berkuasa Zon Bebas dikehendaki menyediakan keperluan-keperluan perkastaman bagi memudahkan kawalan seperti berikut:

- i. berdiri dan menyenggarakan dua pagar perimeter yang selari atau tembok di sepanjang sempadan sesuatu zon bebas dengan mengadakan tempat keluar masuk;
- ii. menerangi pagar perimeter atau tembok tempat keluar dan masuk di pagar perimeter atau tembok dan dikawasan sepanjang perimeter Zon Bebas dari pukul 6.30 petang pada setiap hari hingga pukul 7.30 pagi hari berikutnya;
- iii. mengadakan kemudahan-kemudahan untuk mendirikan pejabat kastam dan tempat pemeriksaan di pintu keluar dan masuk oleh pihak berkuasa zon;
- iv. memastikan operator mematuhi Akta Zon Bebas dan peraturan-peraturannya;
- v. mengemukakan kepada Menteri Kewangan laporan tahunan mengenai aktiviti dan polisinya;
- vi. mengawal pergerakan orang dan barang yang keluar dan masuk ke Zon Bebas;
- vii. menjamin keselamatan duti-duti kastam dan barang-barang berduti lain yang disimpan dalam Zon Bebas; dan
- viii. mematuhi apa jua arahan yang diberi oleh Ketua Pengarah Kastam.

Fungsi utama Jabatan Kastam di Zon Bebas ialah untuk mengawal pergerakan keluar/masuk barang-barang ke/dari zon bebas. Kawalan ini bertujuan bagi menentukan supaya tidak berlaku penyelewengan atau penyalahgunaan ke atas kemudahan-kemudahan yang diberikan bagi mengelakkan kehilangan hasil negara.

Sebelum pengisytiharaan sesuatu zon bebas, kajian yang teliti perlu dibuat terlebih dahulu untuk memastikan perkara-perkara berikut:

- kesesuaian kawasan;
- penyediaan kemudahan infrastruktur;
- langkah-langkah keselamatan (dari segi membenteras pelarian cukai); dan
- menentukan Pihak Berkuasa Zon dan keperluan-keperluan berkaitan.

Pihak yang berkaitan dengan usaha pembangunan perindustrian dan perdagangan di sesebuah negeri perlu mengatur persediaan berkaitan sebelum pengisytiharkan kawasan FIZ atau FCZ oleh Menteri Kewangan. Pada kebiasaanya tanggungjawab ini dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri atau Kementerian berkenaan di Sabah dan Sarawak. Pihak-pihak lain terlibat termasuklah Jabatan Kastam Diraja, Perbadanan Kemajuan Negeri, Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Jabatan Ukur dan Pemetaan.

Senarai nama-nama kawasan FIZ dan FCZ sebagaimana dinyatakan di bawah Jadual Pertama dan Jadual Kedua Seksyen 10(1) (a) dan (b) Akta Zon Bebas 1990.

Selain daripada FCZ dan FIZ, Kerajaan juga telah bersetuju memberi status **pulau bebas cukai** kepada Labuan, Langkawi dan Tioman bagi menarik lebih ramai pelancong asing dan tempatan serta merangsangkan lagi pembangunan di ketiga-tiga pulau tersebut. Dengan status pulau bebas cukai, barang-barang yang dibawa masuk dari KUK ke Labuan, Langkawi dan Tioman selain daripada barangan yang diisytiharkan oleh Menteri Kewangan adalah dibebaskan dari duti import, cukai jualan, duti eksais dan cukai perkhidmatan.